

Pandangan tegas PM pada Clinton

KUALA LUMPUR 6 Mei — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mohamad~~ diharapkan akan menyampaikan pandangan yang tegas mengenai isu Bosnia Herzegovina dalam pertemuannya dengan Presiden Bill Clinton di Rumah Putih esok (waktu Malaysia).

Dalam pertemuan yang penuh bermakna itu Dr Mahathir juga diharapkan akan menjelaskan dengan lebih terperinci pandangan Malaysia terhadap isu antarabangsa yang lain termasuk penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Inggit maharakit Lim Thye yang menyifatkan pertemuan tersebut sebagai sangat bermakna yakin Perdana Menteri akan bertukar tukar fikiran dalam suatunya yang berterus terang.

Pertemuan ini adalah tepat pada masa dan kedua-dua pemimpin boleh berbincang mengenai isu-isu kepentingan bersama seperti EAEC dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Pertemuan tidak rasmi di antara kedua-dua pemimpin itu dijangka menjadi perintis jalan ke arah hubungan yang lebih erat antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Pertemuan yang diadakan atas jemputan Clinton itu dijadualkan berlangsung selama 45 minit di Rumah Putih akan membincangkan pelbagai perkara tanpa agenda.

Sementara itu Presiden Parti Rakyat Malaysia Dr Syed Husin Ali pula berharap Dr Mahathir tidak akan berlembut dalam menyampaikan pandangannya kepada Presiden Amerika Syarikat.

Beliau berkata adalah diharapkan Perdana Menteri akan membangkitkan perancangan perkhidmatan yang ditandatangani antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada tahun 1984 mengenai kemudahan penggunaan pangkalan tentera.

Pangkalan

Perkara ini perlu dibangkitkan bagi memastikan Amerika Syarikat tidak menyalahgunakan kemudahan penggunaan pangkalan tentera untuk memperluaskan pengaruh dan kepentingan di rantau ini kata beliau.

Selain itu Dr Syed Husin berharap Dr Mahathir akan bertindak tegas dalam menyampaikan pandangannya terhadap isu Bosnia Herzegovina dan tidak berlembut dengan pujian Amerika Syarikat.